

16/12/1998

HDA Kedah minta tempoh kempen dilanjutkan

PERSATUAN Pemaju Perumahan (HDA) Kedah meminta Kerajaan melanjutkan tempoh Kempen Pemilikan Rumah selama tiga bulan berbanding hanya sebulan, bermula 12 Disember lalu.

Ia bertujuan membolehkan lebih ramai pemaju sama ada yang menjadi ahli atau bukan ahli persatuan itu mengambil bahagian, sekali gus merancakkan penjualan rumah, terutama rumah kos tinggi sepanjang kempen terbabit.

Selain itu, pelanjutan tempoh kempen terbabit juga mampu membolehkan persatuan berkenaan menyusun langkah pemasaran rumah yang lebih berkesan dan memuaskan untuk penjual dan pembeli.

Pengerusinya, Datuk Tajudin Hashim berkata, persatuan terbabit akan mengemukakan permohonan secara rasmi kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk tujuan itu bukan kerana persatuan terbabit gagal menyusun langkah sepanjang kempen selama sebulan itu.

Sebaliknya ia bertujuan membolehkan kira-kira 10 lagi syarikat pemaju perumahan menyertai kempen berkenaan berbanding 16 syarikat yang sedia ada.

"Ketika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan kempen itu di Kuala Lumpur Sabtu lalu, saya sempat berbincang dengan Pengerusi HDA negeri lain dan kebanyakan mereka menyuarakan pendapat yang sama."

"Jika tempoh kempen dilanjutkan tiga bulan, kami yakin lebih ramai lagi syarikat pemaju akan menyertai kempen yang memberikan pelbagai insentif kepada sama ada penjual atau pembeli itu," katanya selepas mesyuarat Ahli Jawatankuasa HDA Kedah, di Alor Star, semalam.

Menurutnya, antara masalah yang dihadapi HDA Kedah ialah ada antara syarikat pemaju perumahan di negeri ini berdaftar di negeri ini tetapi menjalankan perniagaan di luar Kedah dan begitu juga sebaliknya.

"Setakat ini, kami belum mampu memastikan jumlah unit rumah yang bakal ditawarkan sepanjang kempen ini."

"Untuk tujuan itu, semua syarikat pemaju perumahan di negeri ini akan bermesyuarat dengan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Syed Razak Syed Zain, Khamis ini," katanya.

Beliau juga berkata, HDA Kedah bercadang mewujudkan pusat jualan rumah sepanjang kempen berkenaan di daerah ini, Sungai Petani dan Kulim, masing-masing pada 26, 27 dan 28 Disember ini.

Ditanya mengenai pasaran hartanah berikutan kegawatan ekonomi, Tajudin berkata, kebanyakan syarikat pemaju perumahan mengalami kesukaran menjual rumah kos tinggi, kilang dan rumah kedai.

Antara faktor menyebabkan kesukaran terbabit ialah pembeli sukar memperoleh pinjaman perumahan daripada institusi kewangan.

Bagaimanapun, beliau enggan menjelas lanjut.

Kempen dari 12 Disember 1998 hingga 12 Januari 1999 itu menawarkan kemudahan kepada pembeli menikmati potongan istimewa 10 peratus daripada harga rumah manakala pembeli Bumiputera menikmati kelebihan potongan harga lima peratus.

Kempen disertai lebih 260 pemaju hartanah itu bertujuan memulihkan sektor hartanah, selain membuktikan komitmen kerajaan dengan kerjasama Bank negara Malaysia dan Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM), Persatuan Bank-bank Malaysia dan institusi kewangan untuk memulihkan ekonomi negara keseluruhannya.

(END)